

ISNIN, 31 JANUARI, 1983

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM puas hati layanan terhadap pelatih

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati terhadap latihan yang diterima oleh pelatih-pelatih Malaysia di Jepun.

Menurutnya, mereka diberi layanan yang baik, seperti pekerja Jepun sendiri, serta mempunyai ketekunan yang kuat. Masalah pilih kasih tidak wujud sama sekali.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapati pelatih-pelatih itu begitu berminat menghadapi latihan yang diberikan.

"Satu perkara yang saya rasa penting ialah mereka berambut pendek. Ini adalah amat mustahak," katanya sambil tersenyum dan diambur gelak-ketawa oleh para wartawan.

Kebanyakan pelatih Malaysia kini mengikuti berbagai latihan di beberapa syarikat di Jepun, termasuk Syarikat Yamaha dan Kobe Steel.